

07/09/2016

# **KESANTUNAN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA DARI PERSPEKTIF KOMUNIKATIF- MOTIVASI DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

oleh

**FATIMAH BINTI IBRAHIM**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah

**September 2016**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini pada akhirnya setelah menempuh pelbagai cabaran dan dugaan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada Dr. Shahabuddin bin Hashim, selaku penyelia utama tesis ini yang telah banyak membantu saya dengan memberikan idea-idea bernalas, kritikan membina serta dorongan dan sokongan moral bagi membantu saya menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan juga saya titipkan kepada mantan penyelia utama, iaitu Prof. Madya Dr. Hashim Othman yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya semasa peringkat penghasilan usul penyelidikan sehingga usul tersebut diluluskan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ini juga saya tujukan kepada Prof. Dr. Mahzan bin Arshad selaku pemeriksa luaran, Prof. Madya Dr. Rohizani binti Yaakob dan Prof. Madya Dr. Mohammad Zohir bin Ahmad selaku pemeriksa dalaman tesis dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan kerana sudi memberikan panduan dan cadangan bagi penambahbaikan tesis ini. Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya peluang untuk cuti belajar bergaji penuh selama tiga tahun. Tidak lupa juga, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Ketua Jabatan dan para pensyarah Jabatan Pengajian Melayu berserta semua pelajar PISMP Unit Pengajian Inggeris yang terlibat dalam kajian ini. Ungkapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya dedikasikan untuk suami yang tercinta, Hj. Muhammad Firdaus bin Ahmad yang memberikan keizinan, sokongan dan peluang kepada saya bagi meneruskan pengajian ke peringkat ini. Kepada anak-anak yang dikasihi (Fatin Najwa, Fatini Alya, Muhammad Haziq Fawwaz dan Muhammad Fahim Syahmi),

ucapan terima kasih dan penghargaan mama tujukan kerana sangat memahami dan menjadi sumber inspirasi bagi meneruskan perjuangan ini. Seterusnya, penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga saya dedikasikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penghasilan tesis ini, khususnya kak long yang dikasih kerana senantiasa mendoakan kejayaan saya, kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan berserta rakan-rakan (Dr. Kartini, Dr. Zalilah, Dr. Shaharuddin, Pn. Norhasni, En. Kamarul Azlan, Hj. Ayob, En. Ruslan dan Pn. Noor Liza) yang sentiasa memberikan bantuan apabila diperlukan. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa dan budi baik tuan-tuan dan puan-puan. Kepada allahyarham ayahanda dan allahyarhamah bonda, jasa kalian tidak terbalas dan sentiasa dalam lipatan kenangan. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat dan menempatkan kalian dalam kalangan orang-orang yang beriman, aamiin.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SINGKATAN KATA	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Rasional Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Kesantunan Bahasa	11
1.8.2 Pembelajaran	12
1.8.3 PAIKEM	12
1.8.4 Kecekapan Komunikatif	13
1.8.5 Motivasi	13
1.9 Batasan Kajian	13

1.10	Kerangka Konsep Kajian	14
1.11	Struktur Tesis	16
1.12	Rumusan	18

## **BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Konsep Pembelajaran	21
2.3	Teori Pembelajaran	23
2.4	Konsep PAIKEM	26
2.5	Kajian PAIKEM	32
2.6	Konsep Kesantunan Bahasa	39
2.7	Model Kesantunan Bahasa	41
2.8	Kajian Kesantunan Bahasa	47
2.9	Pendekatan Komunikatif dalam pengajaran bahasa	54
2.10	Kecekapan Komunikatif	58
2.11	Kajian Berdasarkan Perspektif Komunikatif	62
2.12	Konsep Motivasi	66
2.13	Teori Motivasi	70
2.14	Kajian Berdasarkan Motivasi	75
2.15	Kerangka Teori	82
2.16	Rumusan	92

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	94
3.2	Reka Bentuk Kajian	94

3.3	Prosedur Kajian	97
3.3.1	Pemilihan Tempat Kajian	97
3.3.2	Pemilihan Peserta Kajian	101
3.3.3	Peserta Kajian	104
3.3.4	Tempoh Kajian	113
3.3.5	Peringkat Pengutipan Data	114
3.4	Teknik Pengutipan Data	117
3.4.1	Pemerhatian	119
3.4.2	Temu Bual	125
3.4.3	Sumber Dokumen	127
3.5	Peringkat Penganalisisan Data	127
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	131
3.6.1	Kesahan Dalaman	132
3.6.2	Kesahan Luaran	134
3.6.3	Kebolehpercayaan	135
3.7	Kajian Rintis	136
3.8	Dapatan Kajian Rintis	137
3.9	Rumusan	141

## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN INTERPRETASI DATA**

4.1	Pendahuluan	142
4.2	Dapatan Kajian dan Interpretasi Data	143
4.2.1	Pembelajaran Kesantunan Bahasa	144
4.2.2	Strategi Santun Bahasa	167
4.2.3	Kecekapan Komunikatif	179

4.2.4	Unsur Motivasi	193
4.3	Rumusan	206

## BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	209
5.2	Perbincangan Kajian	209
5.2.1	Pembelajaran Kesantunan Bahasa	210
5.2.2	Strategi Kesantunan Bahasa	219
5.2.3	Kecekapan Komunikatif	222
5.2.4	Motivasi	224
5.3	Implikasi Kajian	225
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	228
5.5	Kesimpulan	229

BIBLIOGRAFI	232
-------------	-----

## LAMPIRAN

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>	
Jadual 2.1	Ringkasan Sorotan Kajian PAIKEM	37
Jadual 2.2	Ringkasan Sorotan Kajian Kesantunan Bahasa	52
Jadual 2.3	Ringkasan Sorotan Kajian Perspektif Komunikatif	64
Jadual 2.4	Ringkasan Sorotan Kajian Berdasarkan Motivasi	80
Jadual 4.1	Pembelajaran Kesantunan Bahasa Mengikut Konteks Pembelajaran	146
Jadual 4.2	Strategi Kesantunan Bahasa Pelajar Semasa Pembelajaran Kesantunan Bahasa	167
Jadual 4.3	Kecekapan Komunikatif Pelajar dari Aspek Tatabahasa	180
Jadual 4.4	Kecekapan Komunikatif Pelajar dari Aspek Sosiolinguistik	186
Jadual 4.5	Kecekapan Komunikatif Pelajar dari Aspek Pragmatik	190
Jadual 4.6	Ringkasan Dapatan Kajian	207

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>	
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	15
Rajah 1.2	Struktur Tesis	17
Rajah 2.1	Pembahagian Isi dalam Sorotan Kajian	20
Rajah 2.2	Konsep PAIKEM	28
Rajah 2.3	Kecekapan Komunikatif	59
Rajah 2.4	Kerangka Teori Kajian	92
Rajah 3.1	Carta Alir Bagi Proses Analisis Data Kualitatif	131

## **SINGKATAN KATA**

IPG	Institut Pendidikan Guru
PAIKEM	Pembelajaran Aktif, Inovatif, Kreatif, Efektif, Menyenangkan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
IPGKZU	Institut Pendidikan Guru Kampus Zon Utara
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia

**KESANTUNAN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA DARI  
PERSPEKTIF KOMUNIKATIF- MOTIVASI DI SEBUAH  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan deskripsi yang jelas tentang perlakuan sebenar pelajar sewaktu mempelajari kesantunan bahasa dalam Kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II dari perspektif komunikatif-motivasi. Peserta kajian ini terdiri daripada lima orang pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang mengikuti Kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II di sebuah IPG kampus. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Instrumen yang digunakan adalah pemerhatian, temubual separa berstruktur dan analisis dokumen. Data yang diperoleh telah dianalisis berdasarkan senarai semak kesantunan bahasa yang dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesantunan dalam pembelajaran bahasa pelajar berada pada tahap yang berbeza. Terdapat tiga orang pelajar yang menguasai kesantunan dalam pembelajaran bahasa dengan baik dari segi strategi kesantunan, kecekapan komunikatif dan motivasi, manakala dua orang pelajar masih berada di tahap sederhana. Kajian ini memberi implikasi bahawa jangka masa untuk mempelajari kesantunan bahasa secara formal perlu ditambah agar pelajar dapat mengaplikasi komunikasi lisan yang santun mengikut konteks. Kecekapan komunikatif yang santun bergantung kepada inisiatif dan motivasi pelajar sendiri, di samping daya usaha daripada pensyarah untuk mengaplikasi pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kesantunan dalam pembelajaran bahasa pelajar.

**POLITENESS IN LANGUAGE LEARNING FROM THE  
PERSPECTIVES OF COMMUNICATIVE- MOTIVATION  
IN A TEACHER EDUCATION INSTITUTE**

**ABSTRACT**

This study aimed to view a clear description of the actual behaviour among students who were taking politeness in language learning as part of the Communicative Malay Language Course I and II from the perspective of communicative-motivation. Participants in this study consisted of five students from The Bachelor of Education who were taking the Communicative Malay Language course I and II in one of the Institutes of Teacher Education. This study used a qualitative research design. The instruments used were observation, semi-structured interviews and document analysis. The data obtained were analyzed based on the politeness language checklist that was built. The findings indicated that the politeness in language learning among the students was still seen at different levels. There were three students who mastered the politeness in language learning excellently, in terms of politeness strategies, communicative competence and motivation, while two other students were still at the moderate level. The implication of this study showed that the time frame needed to learn politeness in language learning formally should be increased, so that students can apply decent oral communication in context. A decent communicative competence depends on students' own initiative and motivation, in addition to the efforts of lecturers in applying various teaching and learning strategies to improve the students' politeness in language learning.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Secara umumnya, santun merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, bersopan, beradab dan menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun (Awang Sariyan, 2007). Dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu di negara ini, kesantunan dalam pembelajaran bahasa terangkum dalam peraturan sosiobudaya, iaitu penggunaan kata panggilan dan ganti nama diri, ucapan selamat dan kalimat bertatasusila serta tatacara perbualan yang merupakan antara ciri-ciri kesantunan bahasa yang perlu dititikberatkan (Abdullah Hassan, 2007; Asmah Hj.Omar, 2007; Nik Safiah Karim, 2012).

Kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia tidak menjadikan kesantunan dalam pembelajaran bahasa sebagai satu kursus yang wajib diikuti (Noriati A. Rashid, 2007). Namun demikian, aspek kesantunan dalam pembelajaran bahasa dinyatakan dengan jelas dalam kandungan kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II (Proforma Bahasa Melayu Komunikatif, 2011) yang pertama kali diajarkan kepada pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Isi kandungan proforma Bahasa Melayu Komunikatif menumpukan kepada peranan bahasa Melayu, konsep budi bahasa dalam masyarakat Melayu, kesantunan bahasa, kata sapaan, laras bahasa dan wacana serta menganalisis kesilapan tatabahasa bahasa Melayu mengikut konteks.

Justeru, Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I dan II (KPM, 2011) mengandungi aspek komunikasi, dan sekali gus unsur budaya Melayu yang tidak

terdapat dalam kursus dinamika Bahasa Melayu Kontekstual yang diajarkan kepada pelajar IPG sebelum ini. Gabungan aspek komunikasi dan unsur bahasa Melayu inilah yang disebut oleh Abdullah Hassan (2007) sebagai peraturan tatabahasa sosial. Kajian lepas yang dilakukan terhadap pelajar IPG yang mengikuti kursus dinamika Bahasa Melayu Kontekstual masih menunjukkan adanya gejala tidak santun bahasa dalam komunikasi pelajar IPG (Zarina, 2009; Fatimah, 2011).

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesantunan dalam pembelajaran bahasa pelajar di IPG dengan menggunakan Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I dan II yang mengandungi peraturan tatabahasa sosial yang diajar secara formal, khususnya dari aspek pembelajaran, strategi santun, kecekapan komunikatif dan unsur motivasi pelajar.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Secara umumnya, pembelajaran kesantunan bahasa secara tidak formal dalam kalangan pelajar hanya diperoleh daripada ibu bapa atau ahli keluarga di rumah pada peringkat awal. Justeru, pembelajaran kesantunan bahasa secara formal hanya bermula apabila pelajar menjelaskan kaki ke alam persekolahan di peringkat rendah dan seterusnya ke peringkat menengah dan Institut Pendidikan Guru yang menyisipkan pembelajaran kesantunan bahasa dalam kursus dinamika guru.

Di Institut Pendidikan Guru (IPG), kesantunan dalam pembelajaran bahasa diajar secara terancang berdasarkan Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I dan II (KPM, 2011) dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar mengikuti 30 jam interaksi bagi kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan 15 jam interaksi bagi Bahasa Melayu Komunikatif II (KPM, 2011).

Berdasarkan Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I (KPM, 2011), pelajar mengikuti 8 jam interaksi yang berfokus pada konsep budi bahasa, kesantunan bahasa verbal dan bukan verbal serta sistem sapaan dan protokol. Manakala dalam Bahasa Melayu Komunikatif II (KPM, 2011), 10 jam interaksi diperuntukkan bagi komunikasi lisan untuk pengucapan awam daripada 15 jam interaksi yang ditetapkan bagi satu semester. Hal ini membolehkan pelajar mempraktikkan perkara-perkara yang telah dipelajari tentang kesantunan bahasa secara teori.

Oleh yang demikian, Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I (KPM, 2011) digubal untuk membolehkan pelajar mencapai hasil pembelajaran berikut, iaitu:

- “1. Menghuraikan fungsi bahasa Melayu dalam konteks negara Malaysia.
- 2. Konsep budi bahasa dan kesantunan dalam masyarakat Melayu dan Malaysia.
- 3. Mengaplikasi sistem sapaan bahasa Melayu dalam komunikasi.
- 4. Mengaplikasikan unsur gaya bahasa dalam komunikasi bahasa Melayu.
- 5. Membandingbezakan laras bahasa Melayu.
- 6. Menjelaskan wacana yang utuh dalam penulisan bahasa Melayu serta menganalisis dan membetulkan kesilapan bahasa Melayu dalam penulisan.”

(Proforma Kursus Bahasa Melayu Komunikatif 1, 2011:1 )

Manakala, dalam Proforma Bahasa Melayu Komunikatif II (KPM, 2011) hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar adalah seperti berikut:

- “ 1. Menghuraikan konsep, fungsi, prinsip, bentuk dan ciri komunikasi bertulis.
- 2. Menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat menggunakan

tatabahasa bahasa Melayu yang gramatis.

3. Menghuraikan konsep, prinsip, fungsi, halangan dan bentuk komunikasi lisan.
4. Melaksanakan aktiviti lisan dengan menggunakan tatabahasa bahasa Melayu yang gramatis.
5. Mempamerkan ciri-ciri kesantunan dalam berkomunikasi.”

(Proforma Kursus Bahasa Melayu Komunikatif II, 2011:1 )

Berdasarkan hasil pembelajaran tersebut dapatlah dirumuskan bahawa kesantunan dalam pembelajaran bahasa yang diajar secara formal berdasarkan Proforma kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II di Institut Pendidikan Guru kampus diharap dapat dijadikan sebagai acuan utama untuk membentuk perilaku sopan dan kecekapan komunikatif yang santun dalam kalangan pelajar semasa berkomunikasi.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Institusi pendidikan tidak terkecuali daripada aspek ketidaksantunan bahasa dalam komunikasi, terutama dalam kalangan pelajarnya. Isu ketidaksantunan bahasa ini acap kali diuar-uarkan oleh tokoh-tokoh bahasa dan pendidik (Abdullah, 2007; Awang Sariyan, 2007; Mahzan, 2008). Hal ini sejajar dengan dapatan kajian lepas tentang amalan dan bentuk kesantunan bahasa yang dilaksanakan sebelum ini menunjukkan bahawa gejala tidak santun masih berlaku dalam kalangan pelajar sama ada di sekolah maupun di Institut Pendidikan Guru walaupun mereka mahir berkomunikasi (Mohd Nur Hafizudin, Zaitul Azma & Normahdiah, 2011; Tay Meng Guat, 2013; Zulkifley & Naidatul Zamrizam, 2013).

Gejala tidak santun ini turut disepakati oleh para sarjana seperti Abdullah Hassan (2007), Abdul Hamid Mahmood (2007) dan Mahzan Arshad (2008) yang menyatakan bahawa keterampilan berbahasa atau cekap berkomunikasi tidak membawa erti bahawa seseorang penutur bahasa Melayu sudah mantap dari aspek santun berbahasanya. Kesalahan tatabahasa masih boleh dibetulkan, tetapi kesalahan apabila bertutur boleh mengakibatkan kesalahan budaya yang serius sehingga menimbulkan perasaan tersinggung, tidak dihormati, malah dihina kepada pihak yang dilawan berbicara (Abdullah, 2007).

Kelemahan yang ketara dalam kalangan pelajar yang tamat persekolahan, sama ada mereka kini berada di institusi pengajian tinggi, pusat latihan atau yang telah bekerja ialah tidak dapat berkomunikasi dengan santun di khalayak ramai dalam situasi yang formal (Mahzan, 2008; Zamri, Anisah & Nur Ehsan, 2012). Hal ini selaras dengan kenyataan Mahzan (2008) yang menyatakan bahawa:

Kelemahan ini ketara apabila pelajar tidak dapat menghadapkan ucapan dengan menggunakan gelaran yang bersesuaian, tidak dapat menggunakan teknik komunikasi interpersonal yang baik, tidak menggunakan kata ganti nama yang betul dalam merujuk kepada seseorang dan tidak tahu untuk menyampaikan pendapat atau idea dengan cara yang sopan dan teratur. Ramai pula yang tidak mahir berkomunikasi dalam suasana formal seperti dalam mesyuarat atau majlis forum....Oleh kerana kelemahan ini, mereka kerap berdiam diri atau membiarkan orang lain yang menyuarakan pendapat bagi pihak mereka.

(Mahzan Arshad, 2008: 247-248)

Pernyataan yang dibuat oleh Mahzan dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian pengkaji-pengkaji yang menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal yang santun dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

dan Institut Pendidikan Guru (IPG) juga masih pada tahap sederhana (Zamri, Anisah & Nur Ehsan, 2012; Fatimah & Shahabuddin, 2013; Tay Meng Guat, 2013).

Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kesantunan bahasa dalam pengucapan awam dari segi komunikasi lisan masih terbatas dalam kalangan pelajar di IPG dengan sebutan yang tidak tepat, unsur campur kod dalam binaan ayat serta intonasi yang senada (Zarina, 2009). Terdapat juga penggunaan kata sapaan yang tidak tepat dan pemilihan kata yang kurang sesuai telah digunakan oleh pelajar IPG bagi tujuan komunikasi lisan (Fatimah, 2012b; Tay Meng Guat 2013).

Berdasarkan dapatan tersebut jelas menunjukkan bahawa aspek kecekapan bahasa, iaitu kesopanan, kesantunan dan kesesuaian pemilihan semasa berkomunikasi belum dikuasai dengan baik. Oleh yang demikian, tumpuan pada aspek kecekapan berbahasa perlu diseimbangkan dengan aspek nahu agar pelajar dapat dibentuk menjadi pengguna bahasa Melayu yang menghayati konsep budi bahasa dalam berbahasa (Abdul Hamid, 2007). Pandangan yang dikemukakan oleh Abdul Hamid (2007) ini sejajar dengan idea Hymes (1972) yang telah meluaskan teori linguistik yang diutarakan oleh Chomsky (1965).

Chomsky (1965) berpendapat bahawa teori linguistik perlu disampaikan dengan teori pembelajaran bahasa yang sesuai bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Bagi Hymes (1972), keupayaan berbahasa seseorang harus merangkumi pengetahuan berbahasa serta penguasaan konteks penggunaan bahasa yang melibatkan peraturan sosial dan budaya peserta komunikasi. Hal ini disepakati ahli-ahli bahasa seperti Canale dan Swain (1980), Littlewood (1992) serta Bachman dan Palmer (1997) yang berpendapat bahawa keupayaan bahasa adalah satu elemen penting dalam pembentukan keupayaan komunikatif yang merupakan tujuan sebenar pembelajaran dan pengajaran bahasa. Oleh itu, pensyarah yang mengajar kesantunan

bahasa bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan kesantunan bahasa dan keupayaan berbahasa mengikut konteks, tetapi juga dapat menyampaikan isi pelajaran melalui konsep pembelajaran yang sesuai dengan bersandarkan teori-teori pembelajaran.

Hal ini sejajar dengan pandangan Hashim Othman (2011) yang berpendapat bahawa untuk menuju ke arah perubahan tingkah laku pelajar yang diingini seperti tingkah laku dan kecekapan komunikatif yang santun, pensyarah atau guru bukan sahaja harus memahami dan menghayati pendekatan yang sesuai bagi menyampaikan pelajaran, tetapi juga mengambil kira unsur-unsur yang dapat menimbulkan motivasi bagi merangsang pelajar. Oleh itu, guru dan bakal guru yang merupakan agen penting dalam mengubah tingkah laku pelajar haruslah menerapkan kesantunan dalam pembelajaran bahasa ini mengikut peraturan kesantunan bahasa dengan pendekatan yang sesuai.

Tinjauan kajian juga menunjukkan bahawa masih kurang kajian kesantunan dalam pembelajaran bahasa dikaji di peringkat IPG, khususnya yang melibatkan konsep pembelajaran, kecekapan komunikatif dan unsur motivasi yang dimiliki oleh pelajar. Kajian-kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kesantunan bahasa di sekolah, IPT dan IPG sebelum ini lebih berfokus pada aspek kognitif dan mengabaikan unsur motivasi serta konteks pembelajaran yang dijalani oleh pelajar di bilik darjah (Zarina, 2009; Mohd Nur Hafizudin, Zaitul Azma & Normahdiah, 2011; Fatimah, 2011). Menurut Hashim Othman (2010), tumpuan berlebihan terhadap aspek kognitif juga telah menyebabkan perhatian terhadap isu-isu motivasi, khususnya dalam pendidikan bahasa tidak seimbang sehingga meninggalkan kesan terhadap proses pembelajaran dan penguasaan bahasa yang bertatasusila. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Zarina (2009) hanya menumpukan keterampilan berbahasa pelajar IPG semasa berpidato dengan

menggunakan teori pragmatik tanpa mengambil kira unsur motivasi yang dimiliki oleh pelajar serta konsep pembelajaran. Manakala kajian yang dilakukan oleh Fatimah (2011) pula tertumpu pada strategi santun tanpa mengambil kira konteks pembelajaran bahasa yang dijalani oleh pelajar IPG secara formal di bilik darjah.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengatasi kurangnya penyelidikan tentang kesantunan dalam pembelajaran bahasa di IPG serta meneroka sejauh mana strategi santun, kecekapan komunikatif dan unsur motivasi dapat membantu pelajar untuk mempraktikkannya di dalam kelas secara formal berdasarkan Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I dan II.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan menjelaskan perlakuan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mempelajari kesantunan bahasa dalam kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II dari perspektif komunikatif-motivasi. Kesantunan dalam pembelajaran bahasa melibatkan komunikasi secara lisan (verbal) dan bukan lisan (non verbal) antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dengan pelajar dalam aktiviti-aktiviti bahasa di bilik darjah.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, maka kajian ini akan menjawab soalan berikut:

1. Bagaimanakah pelajar Institut Pendidikan Guru mempelajari kesantunan bahasa dalam kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II dari perspektif komunikatif-motivasi dalam konteks pembelajaran yang aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan?

Berdasarkan soalan kajian yang berkenaan, kajian ini juga diperincikan lagi dengan soalan-soalan kajian berikut bagi melihat sejauh mana kesantunan dalam pembelajaran bahasa berlaku secara formal di dalam kelas.

2. Sejauh manakah pelajar menggunakan strategi santun untuk mempelajari kesantunan bahasa di dalam kelas?
3. Sejauh manakah pelajar menggunakan kecekapan komunikatif untuk mempelajari kesantunan bahasa di dalam kelas?
4. Sejauh manakah unsur motivasi dapat membantu pelajar untuk mempelajari kesantunan bahasa di dalam kelas?

## 1.6 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji aspek kesantunan dalam pembelajaran bahasa pelajar IPG yang diajarkan secara terancang berdasarkan Proforma Bahasa Melayu Komunikatif I dan II. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti sama ada kesantunan dalam pembelajaran bahasa yang dipelajari secara terancang ini dapat membantu pelajar IPG mengamalkan tingkah laku yang sopan dan mengaplikasi kecekapan komunikatif yang santun secara berkekalan sebagaimana yang dinyatakan dalam hasil pembelajaran kursus ini. Hal ini bertepatan dengan peranan pelajar IPG sebagai bakal guru terlatih yang akan berkhidmat di sekolah rendah setelah tamat pengajian.

Dalam hal ini, pelajar IPG harus memiliki tingkah laku yang sopan seiring dengan kecekapan komunikatif yang santun, dan sekali gus mampu menjadi model kepada murid di sekolah selaras dengan aspirasi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013). Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung secara formal di dalam bilik darjah memerlukan pelajar IPG

berinteraksi dalam suasana formal mengikut peraturan kesantunan bahasa. Hal ini disebabkan aspek kesantunan bahasa yang dipelajari dalam suasana formal berbeza dengan kesantunan bahasa yang diperoleh secara tidak formal. Oleh yang demikian, kesantunan dalam pembelajaran bahasa secara formal di dalam kelas membolehkan pelajar mempelajari dan mempraktikkan kesantunan dalam pembelajaran bahasa dengan lebih sistematik.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian tentang pembelajaran kesantunan bahasa ini perlu dijalankan kerana boleh memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam pendidikan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini dapat membantu para pendidik, khususnya pensyarah di seluruh IPG melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu Komunikatif I dan II dengan memasukkan unsur-unsur yang dapat membangkitkan motivasi pelajar secara terancang semasa pembelajaran kesantunan bahasa dengan pendekatan komunikatif.

Hasil kajian ini juga dapat membantu Pusat Perkembangan Akademik untuk menambah baik Proforma Kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II yang merupakan kursus elektif yang wajib diikuti oleh pelajar PISMP dari unit Pengajian Inggeris. Hal ini disebabkan pelajar-pelajar Unit Pengajian Inggeris mengikuti semua kursus major dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan. Justeru, kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II yang diajarkan ini akan dapat mengukuhkan komunikasi pelajar dalam bahasa kebangsaan, di samping memupuk konsep 1Malaysia dari segi amalan kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Bagi penulis buku teks, maklumat tentang pembelajaran kesantunan bahasa melalui unsur-unsur motivasi dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan pendekatan komunikatif boleh dijadikan panduan untuk menghasilkan buku teks Dinamika Bahasa mengikut keperluan pelajar di Institut Pendidikan Guru atau Institut Pendidikan Tinggi lain yang memberi fokus kepada aspek santun berbahasa sama ada secara verbal atau bukan verbal.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi inspirasi kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran kesantunan bahasa dari perspektif komunikatif-motivasi sebagai panduan guru sekolah rendah. Penyediaan modul ini dapat memenuhi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia yang mengetengahkan pendekatan modular dan menitikberatkan pembelajaran secara didik hibur serta sejajar dengan aspirasi murid seperti yang disasarkan dalam Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013).

## **1.8 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, definisi operasional yang dibincangkan ialah kesantunan bahasa, pembelajaran, pembelajaran aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan (PAIKEM), kecekapan komunikatif dan motivasi.

### **1.8.1 Kesantunan Bahasa**

Kesantunan bahasa dalam konteks kajian ini merujuk kepada penggunaan strategi santun bahasa yang sopan dan beradab, menghormati orang yang dilawan bicara serta mematuhi peraturan asas santun bahasa dari segi linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik yang juga merupakan kriteria kecekapan komunikatif.

Dalam kajian ini, strategi kesantunan bahasa pelajar diukur berdasarkan senarai semak pemerhatian yang dibina berdasarkan adaptasi daripada Prinsip Pragmatik Kesantunan Leech (1993), Peraturan Kesantunan Bahasa (Asmah, 2002) dan Model Kesantunan Bahasa (Noriati, 2003).

### **1.8.2 Pembelajaran**

Pembelajaran dalam konteks kajian ini merujuk kepada pengalaman yang dialami, pengetahuan, kemahiran atau latihan yang diterima oleh pelajar sewaktu mempelajari kesantunan berbahasa melalui konteks pembelajaran bahasa yang aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan (PAIKEM) dengan mengambil kira strategi santun yang digunakan oleh pelajar, kecekapan komunikatif dan unsur motivasi yang dimiliki oleh pelajar di dalam kelas yang kemudiannya boleh menyebabkan berlakunya perubahan dari segi tingkah laku dan kecekapan komunikatif yang santun. Dalam kajian ini, pembelajaran diukur berdasarkan skala pemarkahan lisan yang diperoleh pelajar dalam tugas kerja kursus Bahasa Melayu Komunikatif II.

### **1.8.3 Pembelajaran Aktif, Inovatif, Kreatif, Efektif dan Menyenangkan (PAIKEM)**

Dalam konteks kajian ini, Pembelajaran Aktif, Inovatif, Kreatif, Efektif dan Menyenangkan (PAIKEM) merujuk kepada satu konsep pembelajaran secara bersepada yang memerlukan kreativiti guru agar penyertaan pelajar dalam proses pembelajaran kesantunan bahasa berlaku secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan. Dalam kajian ini, pembelajaran aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan dalam kalangan pelajar diukur berdasarkan senarai semak

pemerhatian yang dibina berdasarkan adaptasi daripada konsep PAIKEM (Endang Mulyatiningsih, 2010; Jamal Ma'mur Asmani, 2011).

#### **1.8.4 Kecekapan Komunikatif**

Kecekapan komunikatif dalam kajian ini berdasarkan tiga kriteria yang diadaptasi daripada kecekapan komunikatif Canale dan Swain (1980) dan Bachman dan Palmer (1997), iaitu kecekapan tatabahasa, kecekapan sosiolinguistik dan kecekapan pragmatik yang selari dengan peraturan asas santun bahasa Melayu, dari segi linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik seperti yang diutarakan oleh Asmah (2002). Dalam kajian ini, kecekapan komunikatif pelajar diukur berdasarkan senarai semak pemerhatian yang dibina berdasarkan adaptasi daripada kecekapan Komunikatif (Canale & Swain, 1980; Bachman & Palmer, 1997).

#### **1.8.5 Motivasi**

Unsur motivasi dalam kajian ini merujuk kepada unsur kecekapan, autonomi, cabaran, ingin tahu, kerjasama, persaingan dan pengiktirafan. Dalam kajian ini, unsur-unsur motivasi pelajar diukur berdasarkan senarai semak pemerhatian yang diadaptasi berdasarkan Teori Pengupayaan Kendiri (Deci & Ryan, 1985) dan Taksonomi Motivasi Intrinsik (Malone & Lepper, 1987).

### **1.9 Batasan Kajian**


Fokus kajian ini adalah pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pengajian Inggeris yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikatif di sebuah IPG kampus dalam zon utara. Hanya pelajar PISMP dari opsyen Pengajian Inggeris sahaja yang diwajibkan mengikuti kursus elektif Bahasa Melayu

Komunikatif I dan II. Pembelajaran kesantunan bahasa melibatkan komunikasi secara lisan (verbal) dan bukan lisan (non verbal) antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dengan pelajar dalam konteks pembelajaran aktiviti bahasa yang aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan yang diikuti secara formal di bilik darjah. Aspek yang turut dikaji dalam pembelajaran kesantunan bahasa termasuklah strategi santun yang digunakan oleh pelajar, unsur kecekapan komunikatif dan unsur motivasi yang dimiliki oleh pelajar.

Hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada peserta kajian yang berbeza memandangkan kajian ini hanya mengkaji kesantunan dalam pembelajaran bahasa bagi lima orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II. Oleh sebab pelajar yang terlibat sebagai peserta kajian ini kecil bilangannya, maka hasil kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai petunjuk tentang pembelajaran kesantunan bahasa dari perspektif komunikatif-motivasi di Malaysia. Namun demikian, hasil kajian ini boleh diaplikasikan dalam konteks pembelajaran kesantunan bahasa dari perspektif komunikatif-motivasi dalam kelas yang serupa.

### **1.10 Kerangka Konsep**

Kajian tentang kesantunan dalam pembelajaran bahasa dari perspektif komunikatif-motivasi dibuat berdasarkan konsep-konsep penting yang terdapat dalam teori pembelajaran bahasa, teori linguistik dan teori motivasi. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

Proses pembelajaran kesantunan bahasa dapat menggalakkan pelajar terlibat secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan dalam aktiviti kebahasaan yang dijalani di bilik darjah. Kesantunan dalam pembelajaran bahasa boleh dicapai melalui konsep PAIKEM yang menyepadukan konsep pembelajaran, aspek penguasaan kecekapan komunikatif, pemerolehan pengetahuan tentang strategi kesantunan dan penerapan unsur motivasi. Pembelajaran secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan itu akan berlaku apabila aspek utama yang dikaji itu dizahirkan oleh pelajar sendiri melalui keterampilan komunikasi yang santun dan tingkah laku yang sopan di bilik darjah. Dalam hal ini, pensyarah atau guru boleh mengaplikasikan pelbagai pendekatan seperti pendekatan komunikatif bagi mengajar kesantunan bahasa secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan.

Konsep pembelajaran bahasa secara aktif, inovatif, kreatif dan efektif ini bertitik-tolak daripada teori perkembangan kognitif Piaget dan teori konstruktivisme. Manakala kecekapan komunikatif yang merangkumi kriteria linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik seperti yang diutarakan oleh Canale dan Swain (1980)

dalam pengajaran bahasa pula menunjukkan keselaruan idea dengan kesantunan bahasa berkendala yang diutarakan dalam Model Kesantunan Asmah (2000) dan Peraturan Asas Kesantunan Bahasa (Asmah, 2002).


Menurut Asmah (2002), bahasa yang santun terikat pada peraturan kesantunan bahasa dari segi linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik seperti yang terdapat dalam teori linguistik. Namun demikian, kesantunan bahasa ini perlu mengambil kira aspek budaya orang Melayu. Justeru, strategi kesantunan bahasa dalam kajian ini berdasarkan Prinsip Pragmatik Kesantunan Leech (1993), Peraturan Kesantunan Bahasa (Asmah, 2002) dan Model Kesantunan Bahasa (Noriati, 2003). Dalam hal ini Noriati (2003) telah mengemukakan ungkapan rabbani sebagai satu strategi yang serasi dengan input Islam sebagai tunjang budaya orang Melayu yang merupakan penutur jati bahasa Melayu.

Manakala aspek motivasi pula berlandaskan Teori Pengupayaan Kendiri oleh Deci dan Ryan(1985) dan Taksonomi Motivasi Intrinsik (Malone dan Lepper, 1987) Oleh yang demikian, kesantunan pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar dapat dizahirkan melalui konsep pembelajaran secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan yang merangkumi aspek penguasaan kecekapan komunikatif, strategi kesantunan bahasa serta unsur motivasi yang dimiliki oleh pelajar. Kesantunan dalam pembelajaran bahasa akan menzahirkan perubahan pelajar dari segi keterampilan komunikasi yang santun serta tingkah laku yang sopan.

## **1.11 Struktur Tesis**

Secara keseluruhannya tesis ini mengandungi lima bab, iaitu bab satu (Pengenalan), bab dua (Sorotan Kajian), bab tiga (Metodologi Kajian), bab empat

(Dapatan Kajian dan Interpretasi Data) serta bab lima (Perbincangan, dan Kesimpulan) seperti yang terdapat dalam Rajah 1.2 berikut.



Rajah 1.2. Struktur Tesis

Bab satu ialah pengenalan kepada kajian dengan menumpukan kepada sepuluh aspek, iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, batasan kajian, kerangka konsep kajian dan rangka tesis kajian.

Bab dua pula adalah sorotan kajian yang memberikan fokus kepada enam belas aspek seperti berikut: pendahuluan, konsep pembelajaran, teori pembelajaran, konsep PAIKEM, kajian tentang PAIKEM, konsep kesantunan bahasa, model kesantunan bahasa, kajian kesantunan bahasa, pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa, kecekapan komunikatif, kajian berdasarkan pendekatan komunikatif, konsep motivasi, teori motivasi, kajian berdasarkan motivasi, kerangka teori dan kesimpulan.

Bab tiga, iaitu metodologi kajian yang memberikan fokus kepada reka bentuk kajian, prosedur kajian, teknik pengutipan data, penganalisisan data, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis dan dapatan kajian rintis. Seterusnya, bab empat pula menghuraikan secara terperinci dapatan kajian yang diperoleh dan dinterpretasi berdasarkan objektif dan soalan kajian ini. Bab lima pula merupakan perbincangan, implikasi kajian berserta cadangan kajian lanjut dan kesimpulan. Manakala bibliografi dan lampiran yang berkaitan dengan kajian ini adalah merupakan bahagian akhir dalam struktur tesis ini.

### **1.12 Rumusan**

Sebagai rumusannya, kesantunan dalam pembelajaran bahasa merupakan aspek penting yang perlu dipelajari secara formal. Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji dan menghuraikan perlakuan sebenar pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) sewaktu mempelajari secara formal aspek kesantunan bahasa dalam kursus Bahasa Melayu Komunikatif I dan II ekoran daripada gejala ketidaksantunan dalam komunikasi yang masih wujud dalam kalangan pelajar IPG. Bab seterusnya akan menelusuri kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji sama ada di dalam atau di luar negara yang dapat memberikan input kepada pengkaji bagi melaksanakan kajian ini.

## **BAB 2**


### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini akan dibincangkan tentang konsep pembelajaran, teori pembelajaran berserta model pembelajaran yang diperkatakan oleh para sarjana dalam bidang pendidikan. Sorotan kajian yang berkaitan dengan pembelajaran aktif, kreatif, inovatif, efektif dan menyenangkan juga diteliti, hasil daripada kajian-kajian yang dilaksanakan oleh para pengkaji sebelum ini.

Selanjutnya, konsep kesantunan bahasa berdasarkan Prinsip Kesantunan Bahasa (Leech, 1993), Konsep Kesantunan Bahasa (Asmah, 2000), Konsep Santun (Hashim, 2008) turut disoroti, di samping model kesantunan bahasa dan dapatan kajian tentang kesantunan bahasa daripada para pengkaji sama ada di dalam atau luar negara. Dalam bab ini juga turut dijelaskan tentang konsep motivasi, model motivasi, kajian berdasarkan motivasi, pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa, model kecekapan komunikatif dan kajian berdasarkan pendekatan komunikatif.

Bahagian akhir dalam bab ini memfokuskan kerangka teori dan seterusnya rumusan. Rajah 2.1 yang tertera pada muka surat sebelah menunjukkan secara rinci bahagian-bahagian utama yang terdapat dalam sorotan kajian.



Rajah 2.1. Pembahagian Isi dalam Sorotan Kajian

## **2.2 Konsep pembelajaran**

Terdapat pelbagai takrifan yang dinyatakan tentang pembelajaran. Gagne (1970) mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Tafsiran ini selari dengan pandangan Mangantar Simanjuntak (1987) yang menyatakan bahawa pembelajaran ialah satu proses supaya pengalaman atau latihan yang dialami oleh seseorang menghasilkan perubahan tingkah laku yang relatif tetap. Manakala Mumtaz Begam (2009) pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah proses mendapatkan maklumat dan pengetahuan, menguasai kemahiran dan tabiat serta membentuk sikap dan kepercayaan.

Dalam situasi formal seperti di bilik darjah, pembelajaran merupakan proses dua hala antara pengajar dan pelajar yang berlaku secara terancang (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2003). Oleh yang demikian, Bruner (1966) berpandangan bahawa pembelajaran mesti berlandaskan pada prinsip motivasi, iaitu dua jenis motivasi diri yang terdiri daripada ‘intrinsik ingin tahu’ dan ‘dorongan bagi mencapai kecekapan’. Manakala Hall (1976) pula membahagikan konsep pembelajaran berdasarkan kepada tiga kriteria, iaitu wujudnya perubahan di dalam tingkah laku, perubahan itu perlulah stabil dan kekal serta sesuatu perubahan tersebut mestilah dihasilkan menerusi pengalaman atau latihan.

Oleh yang demikian, proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat manusia tanpa mengira tempat ataupun masa. Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat persamaan dari segi ciri-ciri pembelajaran yang diutarakan oleh para sarjana (Gagne, 1970; Hall, 1976; Mangantar Simanjuntak, 1987), iaitu pembelajaran adalah satu proses gemblengan antara kognitif, afektif dan psikomotor yang kompleks.

Dalam hal ini, pelajar juga mempunyai cara dan komitmen yang tersendiri di dalam konteks pembelajaran, iaitu sesuai dengan sifat dan ciri-ciri semula jadi yang diwarisi sejak lahir, berserta dengan batasan dan ketentuan yang mereka peroleh dari persekitaran dan masyarakat. Justeru, terdapat pelajar yang begitu komited terhadap pembelajaran, dan mempunyai motivasi yang kuat untuk berjaya di dalam apa-apa sahaja yang dipelajarinya. Namun demikian, terdapat juga pelajar yang sederhana sahaja komitmen dan motivasinya dan segelintir pelajar lagi yang begitu kurang dari segi komitmen dan motivasinya sehingga pengajaran bagi golongan ini tidak mempunyai makna yang jelas.

Justeru, terdapat pelbagai konsep pembelajaran yang telah diutarakan oleh para sarjana berdasarkan teori pembelajaran yang mendasarinya. Antaranya termasuklah konsep pembelajaran berpasangan (partners in learning) oleh Herbert Thelen (1960) yang berasaskan konsep sosial, konsep pembelajaran secara induktif (inductively thinking) oleh Hilda Taba (1967) yang berasaskan teori pemprosesan maklumat, konsep pembelajaran kuantum oleh De Porter, Reardon dan Nourie (2010) serta konsep pembelajaran aktif, inovatif, kreatif dan menyenangkan (PAIKEM) oleh Endang Mulyatiningsih (2010).

Dalam kajian ini, pembelajaran merujuk kepada pengetahuan, pengalaman yang dialami, kemahiran atau latihan yang diterima oleh pelajar sewaktu mempelajari kesantunan berbahasa melalui konsep pembelajaran bahasa secara aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan (PAIKEM) dengan mengambil kira strategi santun, kecekapan komunikatif dan unsur motivasi yang digunakan oleh pelajar sehingga menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku pelajar.

### **2.3 Teori pembelajaran**

Terdapat beberapa teori pembelajaran yang mendasari kajian ini. Antaranya termasuklah teori perkembangan kognitif dan teori konstruktivisme. Dalam teori kognitif, Piaget (1959) mengutarakan perkembangan skema yang mengaitkan kecerdasan seseorang itu kepada tiga komponen utama, iaitu isi, fungsi dan struktur. Menurut Piaget (1959), isi merupakan tingkah laku yang boleh diperhatikan serta mencerminkan segala kegiatan intelektual, sama ada secara deria motor ataupun yang bersifat tanggapan atau konsep.

Manakala fungsi pula merujuk kepada proses asimilasi dan akomodasi yang stabil dan berterusan sepanjang perkembangan kognitif individu. Dalam hal ini, proses mengambil masuk maklumat baharu dan memadankannya dengan tafsiran yang sudah ada mengenai sesuatu benda itu dinamakan sebagai asimilasi. Akomodasi pula dihubungkaitkan dengan keupayaan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan pengalaman baharu dengan cara mengubah atau meminda pengalaman yang sedia ada. Oleh yang demikian, asimilasi dan akomodasi berlaku secara berimbang.

Manakala struktur pula merupakan skemata yang berfungsi untuk menjelaskan tingkah laku intelektual tertentu. Jika sesuatu tingkah laku itu dapat dilakukan dengan betul, maka seseorang itu dikatakan sudah mempunyai skemata untuk mengadaptasi dan mengorganisasi sesuatu rangsangan. Sekiranya dia tidak berupaya, maka dikatakan individu itu belum lengkap dari segi perkembangannya. Skemata atau struktur ini mungkin terus berubah dan perubahan inilah yang membantu perkembangan kognitif dalam diri individu, seperti yang terdapat dalam pembelajaran konstruktivisme.

Hal ini selari dengan pembahagian perkembangan kognitif pelajar yang diklasifikasikan berada pada tahap operasi formal (11-15 tahun ke atas) yang menurut pandangan Piaget, struktur kognitif individu pada tahap ini sudah mencapai perkembangan kognitifnya. Oleh yang demikian, individu yang berada pada tahap operasi formal sudah dapat memahami kebanyakan perkara dengan menggunakan logik serta mampu pula menyelesaikan masalah. Dari segi kecekapan berbahasa, individu yang berada pada tahap ini sewajarnya menunjukkan kefasihan berbahasa dan mampu berbicara mengikut konteks atau peristiwa bahasa.

Manakala Von Glassersfeld (1987) pula berpendapat konstruktivisme merupakan teori pengetahuan yang berakar umbi dalam bidang falsafah, psikologi, dan ‘*cybernetics*’. Dalam hal ini, Jonassen (1991) pula berpandangan bahawa kebanyakan pendidik dan ahli psikologi kognitif telah mengaplikasi konstruktivisme bagi membina persekitaran pembelajaran yang dikawal oleh murid serta berfokus pada pendekatan realistik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Sehubungan dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat beberapa prinsip bagi menggerakkan pembinaan pengetahuan seperti yang dikemukakan oleh Jonassen (1994), iaitu:

1. Menyediakan pelbagai perspektif dan representasi konsep dan isi kandungan.
2. Situasi pembelajaran, persekitaran, kemahiran, isi kandungan dan tugas adalah relevan, realistik, autentik, dan mewakili kompleksiti semula jadi dunia sebenar.
3. Fokus pembelajaran tertumpu pada aspek pembinaan pengetahuan.
4. Proses pengetahuan berlaku dalam konteks individu dan melalui rundingan, kolaborasi dan pengalaman sosial.
5. Sikap, kepercayaan dan pembinaan pengetahuan yang lalu diambil kira dalam proses pembinaan pengetahuan semasa.